

# MALAYSIA - SATU IMBASAN SEJARAH

**PUSTAKA BUANA**

**No. 142, Jalan Choo Lip Kung,**

**Taman Taynton View,**

**56000 Cheras,**

**Kuala Lumpur.**

**Tel: 03-8945 8505**

**Fax: 03-8945 8510**

*Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubahsuai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit.*

© PUSTAKA BUANA

Cetakan Pertama 2004

ISBN SIRI 983-2642-18-3

ISBN 983-2642-19-1

M  
959.5  
PUT

Dicetak oleh:  
Percetakan Tatt Sdn. Bhd. (270731-D)

M  
1146044

01 SEP 2004  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

**SIRI GEMILANG  
TANAH NUSA**

**MALAYSIA - SATU  
IMBASAN SEJARAH**

**PUTERI FAHSYAR**



### Malaysia Moden Secara Ringkas

Malaysia meliputi satu kawasan seluas 329,758 kilometer persegi terdiri daripada Semenanjung Tanah Melayu serta kawasan pantai barat daya Pulau Borneo (Sabah dan Sarawak). Kedua-dua wilayah ini dipisahkan oleh Laut China Selatan seluas 531.1 kilometer persegi. Semenanjung Malaysia, meliputi seluas 131,598 kilometer persegi bersempadanan dengan Negara Thai di utara dan dengan Singapura di selatan sementara Sabah yang seluas 73,711 kilometer persegi dan Sarawak yang seluas 124,449 kilometer persegi bersempadanan dengan wilayah Kalimantan, Indonesia.

Semenanjung Malaysia terdiri dari negeri-negeri yang berikut: iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Negeri Pahang yang mempunyai keluasan 35,965 kilometer persegi merupakan negeri yang terbesar sekali di Semenanjung Malaysia manakala Perlis yang seluas 795 kilometer persegi adalah negeri yang terkecil sekali.

Negeri Sabah terdiri dari lima bahagian iaitu

Tawau, Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman. Sarawak terdiri dari sembilan bahagian iaitu Kuching, Sri Aman, Sibul, Miri, Sarikei, Limbang, Kapit, Bintulu dan Kota Samarahan. Wilayah Persekutuan Labuan, dengan keluasan 91 kilometer persegi adalah terletak di pantai barat Sabah.

### Bentuk Muka Bumi Malaysia

Malaysia terletak di antara garisan lintang 1°U hingga 7°U dan garisan bujur 100°T hingga 120°T. Terletak di Asia Tenggara dan berjiran dengan negeri Thai, Myanmar, Laos, Kemboja, Singapura, Indonesia, Filipina dan Brunei Darussalam. Keluasan Malaysia ialah kira-kira 330,445 km persegi. Terdiri daripada Sabah, Sarawak, dan Semenanjung Malaysia. Semenanjung Malaysia terpisah daripada Indonesia (Pulau Sumatera) oleh Selat Melaka dan Singapura oleh Selat Tebrau. Terdiri daripada tiga belas buah negeri dan dua Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur dan Labuan. Sarawak negeri yang terbesar dan Perlis negeri yang terkecil.

### Negeri-negeri di Malaysia

<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>	<i>Ibu negeri</i>
1	Perlis	Kangar
2	Kedah	Alor Setar
3	Pulau Pinang	George Town
4	Perak	Ipoh
5	Selangor	Shah Alam
6	Negeri Sembilan	Seremban
7	Melaka	Melaka
8	Johor	Johor Bahru
9	Pahang	Kuantan
10	Terengganu	Kuala Terengganu
11	Kelantan	Kota Bharu
12	Sabah	Kota Kinabalu
13	Sarawak	Kuching

### Keistimewaan Malaysia

Terletak di tengah-tengah jalan laut dan udara antara negara-negara timur dan barat. Terletak di luar kawasan lingkaran Gunung Berapi Pasifik yang membolehkan Malaysia bebas dari letusan gunung berapi dan angin taufan. Mempunyai pelbagai jenis bentuk muka bumi yang membolehkan pelbagai kegiatan ekonomi dijalankan. Iklim Malaysia yang panas dan lembab sepanjang tahun membolehkan kegiatan pertanian, perikanan, perusahaan, dan perlombongan dapat dijalankan sepanjang tahun. Malaysia kaya dengan pelbagai hasil pertanian, perikanan dan perlombongan.